

11 JUN 1999

Sukan-Skuasy

SKUASY TERBUKA KL YANG PERTAMA TARIK PENYERTAAN ASING

KUALA LUMPUR, 11 Jun (Bernama) -- Juara kebangsaan Ong Beng Hee dan pemain nombor satu negara ketika ini Kenneth Low merupakan hanya dua pemain tempatan yang tersenarai dalam pengundian utama kejohanan pertama Skuasy Terbuka Kuala Lumpur bermula di sini 29 Jun hingga 4 Julai.

Dalam pusingan pertama, Beng Hee, pemain nombor 79 dunia, akan bertemu pemain Mesir Mohd Medhat Morsi, nombor 58 dunia sementara Kenneth akan berhadapan dengan Kashif Shuja dari Pakistan.

Dalam pengundian utama kategori wanita, hanya pemain nombor dua Kuan Choy Lin layak dalam senarai 16 pemain sementara pemain nombor satu kebangsaan Nicol David adalah antara 16 pemain yang disenaraikan bermain dalam pusingan kelayakan.

Terdapat masing-masing empat tempat bagi pusingan kelayakan dalam pengundian utama kategori lelaki dan wanita.

Kuan Choy akan bertemu pemain Australia Melissa Vacca dalam pusingan pembukaan.

Semasa mengumumkan pengundian itu dan perincian mengenai kejohanan berkenaan di sini hari ini, presiden Persatuan Skuasy Kuala Lumpur (SRAFT) Abdullah Sani Karim berkata pertandingan itu menawarkan hadiah wang berjumlah US\$9,000 (RM34,200).

Pemain pilihan utama bagi kategori lelaki ialah pemain nombor 35 dunia dari Australia Billy Haddrell sementara bagi kategori wanita ialah pemain nombor 10 dunia Carol Owens juga dari Australia.

Abdullah Sani berharap kejohanan itu akan menjadi acara tahunan.

Beliau kemudian menerima cek daripada penaja utama TA Enterprise Berhad, sebanyak RM60,000. Syarikat itu diwakili pengerusi eksekutifnya Datuk Tony Tiah.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah presiden Skuasy Asia Mokhzani Mahathir.

Kejohanan itu akan diadakan di gelanggang Majlis Sukan Negara (MSN) di Jalan Duta di sini.

-- BERNAMA

DC RON